



## UMP terima van jenazah sumbangan DRB-HICOM Berhad

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sumabangan wakaf sebuah van jenazah daripada pihak DRB-Hicom Berhad dalam majlis yang diadakan di Masjid UMP Kampus Gambang pada 10 Ogos 2016 yang lalu.

Hadir menyampaikan sumbangan sebuah van jenis Toyota Hiace adalah Ketua Bahagian Komunikasi Kumpulan, DRB-HICOM Berhad, Tuan Shaik Abbas Ibrahim yang menyampaikan replika kunci kepada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Turut hadir Pengurus Kanan (Sumber Manusia & Pentadbiran), Isuzu HICOM Malaysia Sdn. Bhd., Dato' Hajah Rosmah Haji Hashim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid dan Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, pihaknya menghargai komitmen pihak DRB-HICOM Berhad atas keprihatinan korporatnya untuk menyumbangkan kemudahan ini untuk dimanfaatkan warga kampus.

"Dalam konteks ini, UMP komited untuk mengembangkan peluang kolaborasi yang berpotensi untuk diteroka bersama pihak DRB-Hicom Berhad dalam pelbagai lapangan yang berkaitan dengan urusan teras (core business) kedua-dua pihak," katanya.

Beliau berkata, sumbangan ini turut bermakna apabila PIMPIN berjaya menubuhkan Skwad Pengurusan Jenazah UMP baru-baru ini.

"Hasrat untuk memberi khidmat berkaitan pengurusan jenazah bertempat di premis universiti ini tersebut telah berjaya direalisasikan oleh pihak PIMPIN dengan kekuatan Skwad Pengurusan Jenazah tersebut dianggotai oleh 80 sukarelawan dalam kalangan mahasiswa dan staf yang telah diberikan latihan yang khusus berhubung skop

tugas mereka.

"Dengan adanya skuad tersebut, maka universiti ini dapat menawarkan perkhidmatan pengurusan jenazah yang lebih sempurna meliputi persediaan peralatan bagi tujuan memandikan dan mengkafankan jenazah, menyembahyangkan jenazah dan penghantaran jenazah ke lokasi pengkebumian.

"Dengan kapasiti semasa mahasiswa yang berjumlah hampir 10,000 orang dan hampir 2,000 staf yang berasal dari pelbagai negeri dan negara, maka aspek kebajikan dan kesejahteraan warga universiti sentiasa diberikan perhatian yang serius oleh pihak pengurusan," katanya.

Tambah beliau, aspek kebajikan umpamanya, tidaklah hanya terhad kepada penyediaan kemudahan penginapan, makanan dan bantuan kewangan, tetapi turut melibatkan kemudahan sokongan perubahan dan juga pengurusan kematian secara sistematik dan memudahcara tanpa menyulitkan sesiapa.

"Perkhidmatan yang sempurna dengan peralatan yang serba lengkap ini pastinya akan memberikan kelegaan kepada keluarga si mati dan dengan itu membolehkan urusan pengkebumian dijalankan dengan lebih cepat dan teratur sebagaimana yang dituntut oleh hukum Syarak," katanya.

Beliau mengharapkan agar pihak PIMPIN dapat memanfaatkan van jenazah yang disumbangkan ini dengan cermat dan hemat bagi memberikan khidmat yang terbaik kepada pihak yang memerlukan bantuan sebagai amalan jariah.

Dalam pada itu, pada masa yang sama seramai 50 orang sukarelawan Skwad Pengurusan Jenazah menyertai Kursus Pengurusan Jenazah anjuran PIMPIN.